



REQUEST FOR PROPOSAL

REQUEST FOR PROPOSAL BAGI CADANGAN SISTEM AUTONOMOUS RAPID TRANSIT BERTINGKAT (ELEVATED AUTONOMOUS RAPID TRANSIT (E-ART)) DI WILAYAH ISKANDAR MALAYSIA SECARA KERJASAMA AWAM SWASTA

UNIT KERJASAMA AWAM SWASTA
JABATAN PERDANA MENTERI

Syarikat yang berdaftar di Malaysia, termasuk usaha sama dan konsortium yang mempunyai kepakaran dan pengalaman yang berkaitan adalah dijemput untuk menyertai *Request for Proposal* ("RFP") seperti yang berikut:

SESI TAKLIMAT PEMBIDA	PEMBELIAN DOKUMEN RFP						
<u>SESI TAKLIMAT PEMBIDA:</u> Tarikh: 20 Mac 2025 (Khamis) Masa: 9.00 a.m. Lokasi: Dewan Serbaguna, Aras 2, Kementerian Pengangkutan, 26, Jalan Tun Hussein, Presint 4, 62100 Putrajaya	<u>BUTIRAN PEMBELIAN:</u> Tarikh: 21 hingga 26 Mac 2025 Hari / Masa: <table><tr><td>Isnin - Khamis</td><td>Jumaat</td></tr><tr><td>9.00 a.m. – 12.00 tengahari</td><td>9.00 a.m – 12.00 tengahari</td></tr><tr><td>2.00 p.m. – 3.00 p.m.</td><td>3.00 p.m – 4.00 p.m</td></tr></table> Lokasi: Seksyen Khidmat Pengurusan, Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri, Aras 2, Setia Perdana 2, Kompleks Setia Perdana, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62502 Putrajaya Harga: Ringgit Sepuluh Ribu (RM10,000.00) sahaja (Tidak dikembalikan)	Isnin - Khamis	Jumaat	9.00 a.m. – 12.00 tengahari	9.00 a.m – 12.00 tengahari	2.00 p.m. – 3.00 p.m.	3.00 p.m – 4.00 p.m
Isnin - Khamis	Jumaat						
9.00 a.m. – 12.00 tengahari	9.00 a.m – 12.00 tengahari						
2.00 p.m. – 3.00 p.m.	3.00 p.m – 4.00 p.m						

KELAYAKAN PEMBIDA

Syarikat yang berminat untuk menyertai RFP ini perlu berkelayakan seperti yang berikut:

- (a) syarikat hendaklah berdaftar di bawah Akta Syarikat 2016 [Akta 777] sama ada sebagai satu entiti atau usahasama/ konsortium;
- (b) entiti asing atau dengan sebarang bentuk pemilikan ekuiti asing sehingga 49% dibenarkan menyertai RFP ini;
- (c) mempunyai pegangan saham sekurang-kurangnya 30% Bumiputera;
- (d) mempunyai modal berbayar sekurang-kurangnya RM400,000.00 [Ringgit Empat Ratus Ribu sahaja] berdasarkan Penyata Kewangan Audit terkini. Bagi syarikat usahasama/ konsortium, setiap peserta mesti menyumbang modal berbayar dalam bentuk saham biasa*;
- (e) *net worth* minimum bernilai RM500,000,000.00 [Ringgit Lima Ratus Juta sahaja] berdasarkan Penyata Kewangan Audit terkini*;
- (f) EBITDA kumulatif bagi lima (5) tahun terakhir adalah positif;
- (g) Kemudahan kredit tersedia daripada institusi kewangan tidak kurang daripada RM750,000,000.00 [Ringgit Tujuh Ratus Lima Puluh Juta sahaja]; dan
- (h) Satu (1) nilai kontrak siap dengan minimum RM500,000,000.00 [Ringgit Lima Ratus Juta sahaja] dalam tempoh sepuluh (10) tahun terakhir dalam industri pembinaan dan pengangkutan.

**Bagi syarikat usahasama/konsortium, modal berbayar dan nilai bersih yang disumbangkan oleh setiap peserta hendaklah berkadaran dengan peratusan pemilikan peserta dalam usahasama/konsortium.*

Kehadiran ke sesi taklimat pembida adalah WAJIB dan syarikat hendaklah diwakili oleh pegawai yang berjawatan tidak rendah daripada pengarah syarikat. Hanya pegawai yang namanya dinyatakan dalam perakuan pemerbadanan syarikat dibenarkan untuk menghadiri sesi taklimat dan dikehendaki membawa sesalinan perakuan pemerbadanan dan cop rasmi syarikat. **MAKSIMUM TIGA (3) ORANG SAHAJA bagi setiap syarikat dibenarkan menyertai sesi ini.**

Kegagalan mana-mana syarikat untuk menghadiri sesi taklimat dan mengemukakan slip kehadiran bagi sesi taklimat tersebut akan menyebabkan syarikat tersebut hilang kelayakan untuk membeli dokumen RFP dan menyertai RFP ini.

Bayaran dokumen RFP hendaklah dibuat dalam bentuk bank draf atas nama “**AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA-JPM-T**”.

Maklumat berhubung dengan syarat-syarat RFP ini dijelaskan dengan lebih lanjut dalam dokumen RFP. Semua cadangan hendaklah dikemukakan dalam sampul surat berlakri dan dihantar ke **Bilik Tender, Aras 4, Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri, Setia Perdana 2, Kompleks Setia Perdana, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62502 Putrajaya** menurut tarikh dan masa seperti yang berikut **SAHAJA**:

30 JUN 2025 (ISNIN)
9.00 a.m. hingga 12.00 tengahari
2.45 p.m. hingga 4.00 p.m.

Apa-apa cadangan yang diterima selepas dari tarikh dan masa yang dinyatakan di atas tidak akan dilayan dan dipertimbangkan. Kerajaan tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa kos dan perbelanjaan yang dibuat oleh syarikat dalam menyertai RFP ini.